

# STRUKTUR SINTAKSIS FRASA NAMA BAHASA MELAYU

*Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan*

## **Abstrak**

Artikel ini membincang dan menganalisis urutan struktur frasa nama bahasa Melayu yang terdiri daripada kata bilangan dan penjodoh bilangan. Analisis ke atas kedua-dua elemen ini dibuat dengan berpandukan empat fakta, iaitu urutan tegas kata bilangan dan penjodoh bilangan, sifat wajib dan opsyenal penjodoh bilangan, keperluan kepada kehadiran kata bilangan untuk membolehkan kehadiran penjodoh bilangan, dan akhir sekali keserasian antara kata nama dengan penjodoh bilangan. Perbincangan mengenai keempat-empat fakta itu dibahaskan dengan berpandukan teori x-berpalang. Analisis ini mendakwa bahawa frasa penjodoh bilangan (FBIL) membentuk struktur cantuman pada struktur-D FN. Struktur cantuman ini dapat menjelaskan keempat-empat fakta berhubung dengan urutan dan kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan yang mendahului kata nama dalam struktur sintaksis frasa nama bahasa Melayu.

## ***Abstract***

*This article discusses and analyzes the word order of numerals and classifiers in Malay noun phrase structures. The analysis of these two elements are based on four facts such as the strict orders of numerals and classifiers, the compulsory and optional characteristic of classifiers, the need for the presence of a numeral for the existence of a classifier and lastly the compatibility between a noun and a classifier. A discussion of the four facts are based on X bar theory. This analysis claims that the classifier phrase creates an adjunction*

*at the D-structure. This adjunction structure accommodates all of the four facts relating to the word order of numerals and classifiers that comes before a noun in the syntactic structure of a Malay noun phrase.*

## PENGENALAN

Secara sejangat, kata nama sebagai salah satu daripada golongan kata dalam sesuatu bahasa yang boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu jenis pertama ialah bahasa tanpa kata nama, jenis kedua ialah bahasa yang tidak boleh diidentifikasi kata namanya dan jenis ketiga ialah bahasa yang jelas kata namanya (Rijkhoff, 2002:12). Bahasa Melayu dapat dikategorikan sebagai jenis ketiga. Kata nama dalam bahasa Melayu sangat jelas. Malah kata nama dalam bahasa Melayu dapat dikenal pasti dengan ujian yang menggunakan kata penentu dan kata adjektif. Malah golongan kata yang lain dalam bahasa Melayu juga dapat dikenal pasti dengan ujian-ujianya yang tersendiri tanpa apa-apa masalah. Sehubungan dengan itu, golongan kata nama dalam bahasa Melayu adalah amat jelas. Namun demikian, kata nama tidak semestinya hanya hadir berdikari sahaja. Terdapat beberapa perkataan lain yang turut mendahului atau mengikuti kata nama itu. Perkataan-perkataan berkenaan pula bergabung untuk membentuk frasa nama (FN). Justeru, pembentukan FN ini perlu dibahas dan dianalisis dengan lebih mendalam untuk mengetahui struktur sebenar kehadiran perkataan yang mengikuti dan mendahuluinya. Walaupun begitu, kertas kerja ini akan membataskan skopnya untuk membahaskan struktur dalaman FN yang terdiri daripada kata bilangan dan penjodoh bilangan sahaja dalam bahasa Melayu dengan menggunakan subteori x-berpalang dalam kerangka Teori Kuasaan dan Tambatan.

### Frasa Nama Bahasa Melayu

Frasa nama dalam bahasa Melayu boleh didahului oleh kata nombor seperti *dua*, *tiga* *empat*, kata kuantiti seperti *beberapa*, *kesemua*, *setiap* dan penjodoh bilangan seperti *buah*, *biji*, *seulas* dan sebagainya. Kata nombor dan kata kuantiti dianggap sebagai satu dan dikenal sebagai kata bilangan (*Tatabahasa Dewan*, 1995). FN juga turut diikuti oleh kata penentu seperti *itu* dan *ini*. Kesemua bentuk ini bertindak menerangkan kepala kata nama dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu, kertas kerja ini akan memberikan tumpuan kepada elemen yang mendahului kata nama

kepala, iaitu kata bilangan dan penjodoh bilangan serta membincangkan urutan dan sifatnya yang bertindak membentuk struktur-D FN bahasa Melayu.

Kata bilangan dan penjodoh bilangan yang membentuk FN bahasa Melayu mempunyai satu urutan yang tetap (Rogayah, 1995). Urutan tetap ini wujud kerana FN bahasa Melayu mempunyai satu sistem yang mantap. Sistem ini memastikan bahawa urutan yang mendahului atau mengikuti kata nama kepala untuk membentuk FN itu dipatuhi. Sehubungan dengan itu, kata nama kepala bahasa Melayu boleh didahului oleh kata nombor seperti *empat*, misalnya dalam (1a) atau kata kuantiti *beberapa* dalam (1c), Namun demikian, kata nama kepala tidak boleh diterima seperti dalam (1b) dan (1d):

- (1) a. empat lori
- b. \*lori empat
- c. beberapa lori
- d. \*lori beberapa

FN bahasa Melayu bukan sahaja boleh dihadiri oleh kata bilangan sahaja, malah FN ini juga boleh dihadiri oleh penjodoh bilangan seperti *buah* dalam (2a) dan *ekor* dalam (2b). Penjodoh bilangan dalam (2a) dan (2b) hadir mendahului kata nama masing-masing. Frasa (2a) dan (2b) menggambarkan bahawa penjodoh bilangan hanya hadir di antara kata bilangan dengan kata nama kepala. Walaupun begitu, kehadiran penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu boleh bersifat opsyenal. Satu contoh yang jelas ialah penjodoh bilangan dalam (2a) yang ditandakan kurungan kerana kehadirannya bersifat opsyenal. Oleh yang demikian, FN (2a') tanpa penjodoh dapat diterima dan masih dianggap gramatis. Sebaliknya, (2b') ditandakan tanda soal kerana ketiadaan penjodoh bilangan dianggap sebagai janggal:

- (2) a. empat (buah) lori
- a'. empat lori
- b. dua ekor kucing
- ?b'. dua kucing

Ini menjelaskan bahawa penjodoh bilangan itu boleh bersifat wajib dan opsyenal. Tanda kurungan bagi penjodoh bilangan dalam (2a) bermakna penjodoh bilangan boleh bersifat opsyenal. Manakala, kehadiran kata bilangan dalam (2b) adalah wajib. Ramli Md Salleh (1995:4) menjelaskan bahawa sifat kedua ini disebabkan oleh kehadiran fitur semantik

[±bernyawa, ±manusia]<sup>1</sup> pada suatu kata nama itu.

Di samping sifat opsyenal, penjodoh bilangan turut memiliki dua lagi sifat lain yang penting. Sifat pertama, penjodoh bilangan tidak boleh hadir tanpa kata bilangan. Sifat ini tidak ada pengecualian kepada fitur semantik yang dimiliki oleh kata nama kepala dalam suatu FN. Ketiadaan kata bilangan yang berkenaan menyebabkan FN (3a) dan FN (3b) tidak gramatis. Oleh yang demikian, syarat yang utama ialah kehadiran penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan untuk membentuk FN. Sebaliknya, kehadiran kata bilangan tidak mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan. Ini adalah kerana kata nama kepala dalam suatu FN itu yang mewajibkan keperluan untuk penjodoh bilangan hadir mendahuluinya.

- (3) a. \*buah lori  
b. \*ekor kucing

Sifat kedua ialah urutan di antara kata bilangan dan penjodoh bilangan. Penjodoh bilangan hadir mengikuti kata bilangan seperti dalam (2a) dan (2b). Kedua-duanya hadir mendahului kata nama kepala. Ketiga-tiga itu membentuk FN.

Perbincangan di atas yang melibatkan urutan tegas penjodoh bilangan dan kata bilangan yang membentuk FN menunjukkan bahawa terdapat empat fakta yang perlu diberikan perhatian. Fakta yang pertama ialah kata bilangan tidak bersifat wajib kerana kata nama kepala boleh hadir tanpa kata bilangan. Kedua ialah terdapat dua jenis kata nama iaitu kata nama yang boleh berdikari tanpa penjodoh bilangan seperti dalam FN (2a') dan kata nama yang mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan. Fakta ketiga ialah penjodoh bilangan tidak boleh hadir tanpa kata bilangan seperti dalam FN (2b). Fakta keempat ialah kewujudan keserasian antara kata nama kepala dengan penjodoh bilangan. Ini adalah kerana kata nama kepala yang berbeza memilih penjodoh bilangan yang berbeza. Sebagai contoh, kata nama *meja* menerima penjodoh bilangan *buah* mendahuluinya dalam frasa (4a) manakala kata nama *cincin* menerima penjodoh bilangan *bentuk* mendahuluinya dalam frasa (5a). Sebaliknya frasa itu tidak gramatis sekiranya penjodoh bilangan *buah* hadir mendahului kata nama *cincin*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini tidak akan membincangkan sifat ini secara mendalam kerana ini bukan tujuan kertas kerja ini. Perbincangan mengenai sifat ini masih terbuka untuk kajian yang lebih mendalam. Sebaliknya, kertas kerja ini hanya berpegang kepada andaian Ramli Md. Salleh (1989).

seperti dalam frasa (4b) dan penjodoh bilangan *bentuk* hadir mendahului kata nama *rumah* seperti dalam frasa (5b):

- (4) a. dua kuntum bunga  
b. \*dua buah bunga
- (5) a. dua buah rumah  
b. \*dua kuntum rumah

Berpandukan keempat-empat fakta ini maka kewujudan perkataan yang mendahului kata nama kepala dan membentuk frasa nama ini akan dibincangkan dengan lebih teliti untuk menggambarkan struktur sintaksis FN bahasa Melayu. Untuk mencapai tujuan ini, bahagian seterusnya akan membincangkan dahulu kerangka Teori x-berpalang yang akan dijadikan sebagai kerangka utama membahaskan kedudukan setiap kata bilangan dan penjodoh bilangan dalam struktur sintaksis FN bahasa Melayu.

### **Teori X-berpalang**

Sejenis mekanisme yang diandaikan menjadi representasi struktural bagi suatu ayat ialah rumus struktur frasa (RSF) yang dikenali sebagai Teori X-berpalang. Teori ini mempunyai satu prinsip yang dikenal sebagai Prinsip Unjuran yang memastikan bahawa setiap leksikal dalam suatu ayat itu diunjurkan dengan betul pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L dan Bentuk Logik):

- (6) Prinsip Unjuran (Chomsky, 1981)

Representasi pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L dan Bentuk Logik) adalah diunjurkan daripada leksikon berpandukan maklumat pensubkategorian setiap butir leksikal.


Prinsip ini adalah prinsip yang berpandukan syarat dan bukannya berpandukan rumus untuk melahirkan representasi struktural suatu butir leksikal. Prinsip ini mempunyai dua syarat, iaitu pertama, setiap representasi bagi setiap butir leksikal mestilah berpandukan maklumat pensubkategorian bagi setiap butir leksikal dan kedua, maklumat pensubkategorian yang direpresentasi oleh teori X-berpalang perlu diteliti pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L dan Bentuk Logik).

Prinsip Unjuran hanya menjadi syarat untuk representasi bagi setiap butir leksikal pada struktur sesuatu ayat tetapi prinsip ini tidak pula menyatakan cara untuk mewakili setiap butir leksikal itu dalam rajah

pohon. Peranan itu dimainkan oleh prinsip yang berbeza, iaitu prinsip yang dikenali sebagai Prinsip X-berpalang. Prinsip ini juga mementingkan syarat dan bukan rumus untuk mewakili setiap butir leksikal dalam struktur representasi suatu ayat. Prinsip ini diperkenalkan oleh Chomsky (1970), kemudian diubah suai oleh Jackendoff (1977) dan seterusnya oleh Stowell (1981). Rumus ini mempunyai tiga syarat, iaitu:


- (7) a. Kewujudan setiap frasa mestilah endosentrik.
- b. Kehadiran tiga aras iaitu FX, X' dan X.
- c. Kedudukan kepala (X) adalah satu aras di bawah X- satu palang (X') yang dinaungi terus oleh nodus frasa (FX).

Frasa yang endosentrik bermaksud setiap frasa dikepalai oleh satu kepala. Kepala dalam teori ini diwakili oleh simbol X iaitu X merupakan kategori leksikal (N,K,A,P) dan juga kategori bukan leksikal (kata komplemen = KOMP dan FLEKSI). Jadi FX diterjemahkan kepada FN, FK, FP, FA, FFLEKSI dan FKOMP yang merupakan unjuran maksimum. Unjuran di antara kepala dengan frasa dalam teori X-berpalang turut dihadiri oleh unsur penengah, iaitu X-berpalang satu (X'). Kesimpulan yang dapat dicapai daripada perbincangan mengenai ketiga-tiga syarat (7) dapat digambarkan dalam rajah (7a'):



Dalam (7a') FX adalah unjuran maksimum yang akan diduduki oleh frasa, X' adalah unjuran penengah, X adalah unjuran kosong yang dikenali sebagai kepala dan nodus yang menduduki posisi ini dikenali sebagai nodus terminal. Nodus terminal ini boleh terdiri daripada kategori leksikal seperti kata nama yang diwakili oleh (N), kata kerja yang diwakili oleh (K), kata preposisi yang diwakili oleh (P) dan kata adjektif yang diwakili oleh (A). Nodus terminal juga boleh terdiri daripada kategori bukan leksikal seperti kata komplemen yang diwakili oleh (KOMP) dan kata negatif, kata aspek dan kata modal yang diwakili oleh (FLEKSI). Frasa pula terbentuk daripada kepala yang sama jenis dengannya seperti FN (frasa nama) terbentuk daripada kepala N, FK (frasa kerja) terbentuk daripada kepala K, FA (frasa adjektif) terbentuk daripada kepala A, FP (frasa preposisi) terbentuk daripada kepala P, FKOMP (frasa komplemen) terbentuk daripada kepala KOMP dan FFLEKSI (frasa Fleksi) terbentuk


daripada kepala FLEKSI. Berdasarkan (18a), frasa dan kepala akan ditandakan dengan struktur seperti di bawah:



Setiap kepala menaungi satu perkataan dan setiap kepala juga mungkin memerlukan penerang yang dikenal sebagai pelengkap. Ini adalah kerana pelengkap terdiri daripada frasa yang ditentukan dalam maklumat pensubkategorian suatu kepala leksikal. Pelengkap menduduki satu posisi dalam struktur yang dikenali sebagai posisi komplemen. Dalam kajian ini, posisi komplemen dianggap posisi yang disubkategorisasikan oleh kepala dan ditandakan teta. Kedudukan posisi komplemen sama ada di sebelah kiri atau sebelah kanan kepala dalam struktur ditentukan oleh parameter sesuatu bahasa sama ada bahasa berkepala awal ataupun bahasa berkepala akhir. Sekiranya bahasa tersebut berkepala awal, maka posisi komplemen mengikuti kepala (X) seperti yang terdapat pada rajah (8a):




Bahasa yang berkepala akhir (X) mempunyai posisi komplemen yang hadir mendahului kepala seperti dalam (8b):




Frasa FY dalam (8a) dan (8b) menunjukkan bahawa kedua-duanya menduduki posisi komplemen. Struktur ini juga boleh dihadiri oleh frasa yang tidak disubkategorisasikan oleh kepala tersebut. Perkataan ini menduduki satu posisi yang dipanggil *spesifier*, iaitu satu posisi yang unik dalam teori X-berpalang. Ini kerana setiap frasa hanya boleh mempunyai satu posisi *spesifier* sahaja, iaitu seperti dalam struktur (8c):

(8) c.



Kedudukan *spesifier* pula bergantung kepada parameter pelengkap dalam suatu bahasa. Sekiranya bahasa itu ialah bahasa berkepala awal, maka *spesifier* menduduki posisi seperti dalam (8c); tetapi sekiranya bahasa itu ialah bahasa berkepala akhir, maka *spesifier* menduduki posisi di sebelah kanan X' seperti dalam (8d):<sup>2</sup>

(8) d.




Perbincangan ini telah menghuraikan representasi struktur suatu frasa dalam teori X-berpalang. Representasi ini boleh disimpulkan seperti rumus dalam (9a) dan (9b):

- (9) a.      FX —————> Spes;    X'  
           b.      X' —————> X;      FY

Selain itu, wujud satu lagi posisi dalam prinsip X-berpalang yang dipanggil sebagai posisi adjung seperti dalam (10):

<sup>2</sup> Kayne (1993) telah mengandaikan bahawa hanya struktur (19c) sahaja yang wujud dalam nahu sejagat pada struktur-D. Oleh yang demikian, bahasa berkepala akhir hanya wujud melalui transformasi salah satu konstituen pada struktur-L.





Posisi FZ dalam (10) adalah satu posisi yang tidak disubkategorisasikan oleh suatu leksikal tetapi berbeza daripada posisi *spesifier*. *Spesifier* mempunyai hierarki yang lebih tinggi daripada kepala dan bukan merupakan pemberi maklumat tambahan kepada leksikal yang menjadi kepala sesuatu frasa. Sebaliknya frasa FZ hadir sebagai pemberi maklumat tambahan kepada leksikal yang merupakan kepala suatu frasa. Frasa ini adalah frasa yang opsyenal. Oleh yang demikian, teori X-berpalang mempunyai satu posisi yang dikenali sebagai posisi adjung dan membentuk satu rumus yang dikenali sebagai rumus adjung:

(11) a.  $X' \longrightarrow X'; \text{ FZ}$

Maka dapat disimpulkan di sini bahawa rumus struktur frasa bagi suatu frasa ialah:

- (12) a.  $\text{FX} \longrightarrow \text{Spes}; X'$   
 b.  $X' \longrightarrow X'; \text{ FZ}$   
 c.  $X' \longrightarrow X; \text{ FY}$

Bahagian ini telah membincangkan tiga syarat yang penting kepada teori X-berpalang. Perbincangan ini telah memberikan kerangka (12a) hingga (12c) yang boleh dijadikan asas untuk representasi bagi sesuatu ayat. Kerangka ini seterusnya akan diaplikasikan dalam ayat bahasa Melayu. Walaupun begitu, sebelum teori X-berpalang ini diaplikasikan, kita akan membincangkan dahulu struktur-D bahasa Melayu.

### Struktur FN Bahasa Melayu

Perbincangan pada awal bahagian telah membahaskan bahawa kata nama bahasa Melayu boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan. Kata bilangan boleh terdiri daripada kata nombor seperti *dua*, *tiga* atau


kata kuantiti *beberapa, setengah* dan sebagainya. Seterusnya kehadiran penjodoh bilangan turut dibahaskan. Satu kesimpulan telah dicapai berpandukan syarat urutan kata bilangan, penjodoh bilangan dan kata nama yang tetap.

Kita telah mengetahui bahawa elemen yang mendahului kata nama kepala dalam suatu FN itu mempunyai empat syarat. Pertama ialah kata bilangan tidak bersifat wajib. Kedua ialah terdapatnya dua jenis kata nama, iaitu kata nama yang boleh berdikari tanpa penjodoh bilangan dan kata nama yang mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan. Fakta ketiga ialah penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan. Fakta keempat ialah keserasian antara kata nama kepala dengan penjodoh bilangan.


Keempat-empat syarat itu dapat membentuk satu urutan yang dapat digambarkan seperti dalam (13):

(13) kata kuantiti/kata nombor - penjodoh bilangan - kata nama


Berpandukan (13), teori x-berpalang serta syarat kehadiran kedua-dua elemen itu sebelum kata nama kepala, maka penulis mencadangkan struktur FN seperti dalam (14):




Seterusnya, penulis akan membincangkan keseluruhan kesahihan kehadiran setiap konstituen dalam struktur (14) supaya struktur berkenaan menepati teori x-berpalang. Mengikut teori x-berpalang, setiap frasa itu memerlukan kepala serta posisi *spesifiernya*. Maka struktur FN yang menepati teori x-berpalang ialah seperti yang digambarkan dalam (15):



Struktur (15) menggambarkan FN yang bersifat endosentrik kerana frasa tersebut terdiri daripada kepala, iaitu kata nama. Oleh yang demikian, kata nama (16) seperti *lori* dapat digambarkan seperti dalam struktur (17):



Seterusnya, kata nama kepala juga boleh dihadiri oleh elemen yang berunsur sebagai penerang. Kedudukan elemen ini adalah pada posisi *spesifier* mengikut teori x-berpalang. Oleh yang demikian, FN *empat lori* terdiri daripada dua perkataan, iaitu kata bilangan *empat* dan kata nama kepala *lori*. Kata bilangan *empat* itu akan menduduki posisi *spesifier* dan mewakili frasa bilangan (FBIL) serta membentuk struktur-D (19):



Struktur-D FN (19) ini bertepatan dengan cadangan Chomsky (1986) dan Abney (1986) bahawa kata nama kepala ini turut menandakan teta. Sebagai kepala, konstituen kata nama itu mempunyai peranan teta yang perlu ditandakan pada argumennya. Penulis mencadangkan bahawa penandaan teta itu diberikan pada posisi Spec iaitu pada FBIL. Penandaan teta ini adalah bersamaan seperti penandaan kata kerja pada argumen luarannya yang menduduki posisi spek FFLEKSI atau pada spek FK

dalam Hipotesis Subjek Kata kerja (VP Subject Hypothesis). Dengan ini, posisi FBIL itu dianggap sebagai argumen luaran dan menepati keperluan kata nama kepala tersebut.

Seterusnya ialah kehadiran penjodoh bilangan. Kehadiran penjodoh bilangan ini perlu memenuhi tiga daripada empat syarat yang telah dibincangkan di atas iaitu pertama, tidak semua penjodoh bilangan itu wajib kerana bergantung kepada jenis kata nama itu seperti dalam (2) yang diulang semula sebagai (20):

- (20) a. empat (buah) lori  
       a'. empat lori  
       b. dua ekor kucing

Kedua kehadiran penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan seperti yang jelas dalam perbezaan (20) dan (21):

- (21) a. \*buah lori  
       b. \*ekor kucing<sup>3</sup>

Ketiga, wujudnya keserasian di antara penjodoh bilangan kata nama kepala seperti yang digambarkan dalam (4) dan (5) dan dinomborkan semula sebagai (22) dan (23):

- (22) a. dua kuntum bunga  
       b. \*dua buah bunga  
       (23) a. dua buah rumah  
           b. \*dua kuntum rumah



Ketiga-tiga syarat itu akan dibahas untuk digambar sebagai struktur-D bagi suatu FN. Penulis mencadangkan bahawa berpandukan struktur (15) dan perbahasan ke atas frasa (18) di atas maka FN (20a) dan (20b) dapat digambarkan seperti dalam struktur (24a) dan (24b) masing-masing:

---

<sup>3</sup> Frasa (21b) adalah gramatis sekiranya perkataan *ekor* dianggap sebagai kata nama dan bukannya penjodoh bilangan. Perbezaan ini tidak akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.

(20a) empat (buah) lori



(20b) dua ekor kucing



Struktur (24a) dan (24b) menggambarkan suatu struktur yang berbeza. Struktur itu dikenali sebagai struktur cantuman. Kehadiran struktur cantuman dalam Struktur-D tidak melanggar teori x-berpalang dan Prinsip Penyimpanan Struktur kerana kehadiran tidak memusnahkan apa-apa struktur yang telah ditetapkan oleh teori x-berpalang, sebaliknya, struktur berkenaan hanya menghadapi penambahan. (Heagemann,1994). Dakwaan penulis ke atas struktur sedemikian mempunyai implikasinya yang tersendiri. Penulis ingin menyatakan bahawa pada struktur-D bagi FN dalam bahasa Melayu sudah mempunyai struktur cantuman. Ini adalah kerana tidak semua frasa itu mempunyai struktur cantuman pada struktur-D dalam bahasanya.

Walaupun demikian, struktur cantuman itu boleh diterima sekiranya struktur (24a) dan (24b) dapat menjelaskan dan menepati syarat-syarat kehadiran penjodoh bilangan dan kata bilangan dalam bahasa Melayu. Syarat pertama ialah kehadiran penjodoh bilangan itu tidak wajib tetapi bergantung kepada jenis kata nama kepala itu. Penulis bersetuju dengan pendapat Ramli Mohd Salleh (1995) bahawa wujudnya fitur pada kata



nama berkenaan yang menjadi sebab utama kepada keperluan kewajipan kehadiran penjodoh bilangan itu. Sehubungan dengan itu, kata nama *lori* dalam frasa (20a) memiliki fitur [-bernyawa, -manusia], manakala, kata nama *kucing* dalam frasa (20b) memiliki fitur [+bernyawa, +manusia]. Oleh yang demikian, kata nama *lori* dalam frasa (20a) tidak mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan seperti yang digambarkan dalam struktur (25a), manakala, kata nama *kucing* dalam frasa (20b) mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan seperti yang digambarkan dalam struktur (25b). Justeru kesimpulan yang boleh dibuat ialah kata nama yang mempunyai fitur [bernyawa, -manusia] tidak mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan, manakala, kata nama yang mempunyai fitur [+bernyawa, +manusia] mewajibkan kehadiran penjodoh bilangan.



Ini sekali gus membawa kepada syarat kedua, iaitu kehadiran penjodoh bilangan itu mewajibkan kehadiran kata bilangan. Keadaan ini berhubung rapat dengan syarat pertama. Kehadirannya yang bergantung kepada fitur semantik FN meletakkannya pada posisi spek dalam struktur cantuman. Ini

menjadikannya sebagai sebuah frasa. Sekiranya fitur semantik suatu kata nama itu mempunyai fitur [-bernyawa, -manusia] maka tiada penjodoh bilangan dan tiada struktur cantuman. Keadaan ini tidak melanggar mana-mana keperluan struktur itu.

Kehadiran penjodoh bilangan pada posisi cantuman juga dapat menjelaskan syarat ketiga iaitu wujudnya keserasian di antara penjodoh bilangan. Keserasian ini wujud kerana hanya kata nama tertentu sahaja menerima penjodoh bilangan yang tertentu. Keadaan ini dapat dilihat dalam struktur cantuman dan kehadiran penjodoh bilangan itu pada posisi spek dalam struktur cantuman. Penulis mencadangkan bahawa keserasian itu dapat dilihat dengan jelas melalui kewujudan indeks yang sama. Kehadiran indeks yang sama ini dapat menjelaskan keserasian melalui keserasian spek kepala seperti yang wujud di antara kata nama dengan kata kerja dalam bahasa Inggeris. Kewujudan keserasian itu tidak menggugatkan cadangan bahawa kata nama juga menanda teta kata bilangan pada waktu yang sama. Cadangan ini juga tidak menggugat dakwaan Ramli bahawa wujud fitur semantik pada kata nama.



## KESIMPULAN

Artikel ini telah membahaskan kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan yang membentuk FN dalam bahasa Melayu. Analisis ke atas kedua-dua elemen ini dibuat berpandukan empat fakta, iaitu urutan tegas kata bilangan dan penjodoh bilangan yang membentuk FN, sifat wajib dan opsyenal penjodoh bilangan, keperluan kehadiran kata bilangan untuk membolehkan kehadiran penjodoh bilangan dan akhir sekali keserasian antara kata nama dengan penjodoh bilangan. Kesemua ini telah dapat digambarkan dalam struktur-D FN dengan mencadangkan struktur cantuman untuk FBIL bagi menempatkan penjodoh bilangan dengan tepat. Struktur itu dapat menjelaskan setiap fakta berhubung dengan kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan.

## RUJUKAN

- Abney, S., 1987. *The English Noun Phrase in It's Sentential Aspect*, Tesis PhD. MIT.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, M., 1988. *Incorporation: A Theory of Grammatical Function Changing*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Chang, Chih-Chen Jane, "A Note on the DP Analysis of the Chinese Noun Phrase" dlm. *Linguistics* 28 hlm. 337 – 354, 1990.
- Chomsky, N., 1986. *Knowledge of Language*. New York: Praeger.
- Delsing, L.O., "The Scandanavian Noun Phrase" dlm. *Working Papers in Scandanavian Syntax*, 42, hlm. 57 – 79, 1988.
- Fukui, N. & M. Speas, "Specifier and projection" dlm. *MIT Working Papers* 8, hlm. 128 – 172, 1986.
- Haegeman, L., 1994. *Introduction to Government and Binding Theory*. Oxford: Blackwell.
- Horrocks, G & M. Stavrou, "Bounding Theory and Greek Syntax: Evidence for wh-movement in NP" dlm. *Journal of Linguistics*, 23, hlm. 79 – 108, 1987.
- Jackendoff, R., 1977. *X'-syntax*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Lutfi Abas, 1977. *Tatabahasa Perbandingan Bahasa-bahasa Malaysia: Cina, Tamil dan Inggeris. Buku Dua: Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ouhalla, J., 1988. *The Syntax of Head Movement: A Study of Berber*. Tesis Ph.D. UCL.
- Ramli Md. Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rijkhoff, J., 2002. *The Noun Phrase*. New York: Oxford University Press.
- Ritter, E., 1987. "NSO Nouns in Modern Hebrew" dlm. *Proceedings of NELS* 17, hlm. 521–537.
- Tatabahasa Dewan, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.